

USIM anjur aktiviti sukan sambut semester baru

SEMPENA pembukaan semester baru sesi Julai 2007/2008, Unit Sukan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan menyajikan warga USIM termasuk pelajar dan kakitangannya dengan pelbagai program berteraskan sukan dan rekreasi.

Antara aktiviti yang bakal dilaksanakan ialah Program Penggalakkan Sukan & Sukan Jalinan Mesra USIM 2007 pada 19 Julai serta Klinik dan Kejohanan Tertutup Paintball USIM 2007 (28 dan 29 Julai).

Semua program ini dirancang bagi menjana warga pelajar khususnya untuk mengaktifkan gaya hidup cergas setelah ber-cuti panjang sejak awal Mei lalu.

Melalui pelan-caran program ini, pihak penganjur akan mengadakan pelbagai aktiviti menarik selain memberi infor-masi berguna kepada pelajar baru dan lama tentang kebaikan menyertai aktiviti kesukanan.



Menurut Pegawai Sukan USIM, Nur Ekmal Buhary (**gambar**), objektif utama penganjuran aktiviti tersebut adalah untuk memberi pendedahan dan maklumat kepada mahasiswa baru dan lama berkaitan kepentingan melibatkan diri dalam kegiatan kesukanan dan kecergasan serta menjadikan aktiviti kesukanan sebagai sebahagian gaya hidup sihat di USIM.

Ia juga dilihat sebagai platform untuk mencari bakat baru melalui program pengecaman bakat dan pendaftaran pasukan di kalangan mahasiswa yang boleh mewakili USIM pada kejohanan Sukan Masum dan sukan yang berkaitan.

Ia juga menunjukkan komitmen USIM ke arah meningkatkan mutu dan pencapaian sukan di peringkat IPTA dan negara serta menjalinkan persefahaman yang erat dan hubungan yang sihat di antara warga USIM melalui pembudayaan sukan yang baik.

Pelbagai aktiviti dilaksanakan antaranya ialah program pengecaman bakat sukan, acara sukan jalinan mesra futsal, pertandingan bola jaring, bola tampar, sepak takraw, frisbee dan juga paintball.

Pada minggu berikutnya, iaitu pada 28 hingga 29 Julai, Unit Sukan USIM akan menganjurkan Klinik dan Pertandingan Paintball Tertutup USIM bertempat di perkarangan Kompleks Sukan USIM di Nilai.

Program julung kali diadakan ini diusahakan dengan kerjasama Persatuan Paintball Malaysia, yang bertujuan untuk memberi peluang kepada warga kampus menyertai aktiviti sukan lasak dan mencabar itu.

Seramai 200 peserta dijangka menyertai program tersebut yang pertama kali diadakan di USIM.

Untuk keterangan lanjut dan kepada yang berminat untuk menyertai kedua-dua aktiviti tersebut boleh menghubungi Unit Sukan USIM di talian 06-7988359/8362/8351 atau layari laman web <http://infosukan.kuim.edu.my>